

CNS4168

U GB 10-10 00190 BA067

AAB

Mahathir - Bosnia

KUASA BARAT HILANG HAK KRITIK MALAYSIA, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara-negara kuasa besar barat seperti Amerika Syarikat kehilangan hak untuk mengkritik Malaysia apabila mereka tidak sanggup menamatkan pencabulan hak asasi rakyat Bosnia oleh puak Serb di Bosnia-Herzegovina.

Menurutnya, tidak ada gunanya mereka mengatakan Malaysia kononnya tidak menghormati hak asasi pihak tertentu di negara ini sedangkan mereka juga tidak menghormati hak asasi orang Bosnia di Bosnia-Herzegovina.

"Oleh kerana mereka tidak sanggup bertindak di Bosnia, pada kita mereka sudah kehilangan hak untuk mengkritik kita," katanya kepada pemberita, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berada di Langkawi sejak semalam bagi melihat persiapan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1993 (LIMA 93) yang akan diadakan di sini selama enam hari mulai 7 Dis ini.

Kepada soalan pemberita, beliau berkata, setakat ini susah untuk menilai sejauh manakah berkesannya pandangan yang telah disuarakan Malaysia di peringkat antarabangsa mengenai Bosnia tetapi pada hakikatnya, kuasa barat terpaksa mempertahankan dasar-dasar mereka berhubung hak asasi dan setakat ini mereka sukar untuk berbuat demikian. -- Lagi.

▼10/10/16-03MST

CNS4180

U GB 10-10 00135 BA068

AAB

Mahathir - Bosnia 2 Langkawi

"Di Bosnia, secara jelas orang Serb mencabul hak asasi manusia. Di sana mereka (kuasa barat) tidak berbuat apa-apa tetapi mereka hendak kritik kita kerana ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri).

"Ini perkara gampang (mudah), kecil kalau dibandingkan dengan apa yang berlaku di Bosnia," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada pendekatan bersifat ketenteraan yang digunakan Amerika Syarikat di Somalia patut digunakan di Bosnia, Dr Mahathir berkata: "Kita harap pendekatan yang digunakan di Somalia digunakan di Bosnia."

Katanya: "Di Bosnia mereka tidak sanggup hendak berperang dengan orang Serb sebaliknya di Somalia mereka begitu cepat untuk bertindak terhadap orang Somalia. Nampak ada double-standard."

Menurutnya, Amerika sanggup menggunakan kekuatan tenteranya termasuk menggunakan kapal perang tetapi tidak menggunakan cara yang sama di Bosnia-Herzegovina. -- Lagi.

▼10/10/16-36MST

CNS4184

U GB 10-10 00192 BA070

AAB

Mahathir - Bosnia 4 (Akhir) Langkawi

Menurutnya, itu bukan kali pertama beliau berucap dalam bentuk demikian.

"Semasa Puan Thatcher (bekas Perdana Menteri Britain) datangpun saya buat ucapan yang serupa itu juga bahkan lebih kritikal lagi. Dan masa Malcolm Fraser (bekas Perdana Menteri Australia) datangpun saya buat ucapan. Dengan siapa juga yang datang sini, saya bercakap berhubung dengan masalah yang berkaitan," katanya.

Mengenai nasib balu dan anak-anak Koperal Mat Aznan Awang, anggota tentera Malaysia yang gugur ketika menjalankan tugas di Somalia, Perdana Menteri berkata: "Kita telah memberi hadiah kepada keluarganya dan akan menentukan anak-anaknya mendapat pelajaran bagi apa juga peringkat dan apa juga yang perlu kita buat, kita akan buat."

Katanya, kerajaan akan memberi perhatian yang khusus kepada anggota tentera Malaysia yang bertugas dengan PBB sekiranya mereka ditimpa kemalangan yang serupa kerana Malaysia menghargai sesiapa juga yang berkhidmat untuk negara.

Beliau berharap anggota tentera Malaysia yang bertugas untuk operasi PBB akan menjalankan tugas seperti yang diharap-harapkan serta mempertahankan maruah bangsa dan negara supaya tidak ada sesiapa yang boleh mengatakan bahawa tentera Malaysia tidak menjalankan tugas dengan sempurna.

-- Bernama.

KHY KAM.

CNS4183

U GB 10-10 00156 BA069

AAB

Mahathir - Bosnia 3 Langkawi,

Ketika diminta mengulas laporan bahawa Amerika mengatakan tentera Malaysia tidak cekap di Somalia sehingga menyebabkan ramai anggota tentera Amerika terbunuh dalam operasi di Somalia, Perdana Menteri berkata:

"Yang itu dia nak kata dia boleh katalah. Kita pun boleh kata dia kurang cekap. Macam mana dia lawan dengan orang Somalia yang sudah tentu tidak secekap mereka sehingga mereka terbunuh dan sebagainya.

"Jadi, soal cekap tak cekap ini, kita tak boleh kata kepada orang," katanya.

Mengenai laporan akhbar di England yang mengatakan beliau sengaja memilih lawatan Perdana Menteri Britain, John Major ke Malaysia baru-baru ini sebagai masa untuk mengkritik dasar Britain mengenai Bosnia, Dr Mahathir berkata, beliau memang sengaja berucap demikian semasa lawatan mana-mana pemimpin kerana itulah masa yang sesuai bagi beliau untuk bercakap mengenai perkara yang berkaitan.

"Kalau kita hendak buat rayuanpun, kita buat rayuan masa itu," kata beliau. -- Lagi.

▼10/10/16-46MST